

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU
[SARIKEI]**

SOALAN :

YB Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian Kesihatan mempunyai rancangan untuk menggunakan Hospital Sarikei lama yang berdekatan dengan Poliklinik Sarikei. Kalau tidak kenapa. Memandangkan Poliklinik Sarikei sekarang selalu menghadapi masalah kesesakan pesakit, Kementerian Kesihatan terpaksa menggunakan bangunan hospital lama Sarikei.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum tentang kesesakan di Klinik Kesihatan Sarikei yang menerima purata kedatangan pesakit seramai 556 orang sehari pada tahun 2014. Sehubungan dengan itu, KKM sedang mengkaji kesesuaian Hospital Sarikei lama untuk diubahsuai bagi menampung masalah kesesakan pesakit di Klinik Kesihatan Sarikei. Jika kerja-kerja ubahsuai bangunan lama ini didapati tidak kos-efektif, maka bangunan Hospital Sarikei lama akan diroboh dan akan dibina bangunan klinik yang baru. Bagi opsyen kedua, KKM akan membina sebuah bangunan klinik kesihatan Sarikei yang baru di lokasi yang akan dikenalpasti kelak.